

**PERANAN UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DALAM  
MEMBANTU KONTRAKTOR BUMIPUTRA SARAWAK**

**KAJIAN KES: DI SEKITAR BANDAR KUCHING**

**OLEH:**

**Hairani Bt Solo**

**Izza Nina Bt Hazmi**

**Jennifer Bt Ali**

**Suhaslina Bt Hamzah**

**Suliana Bt Jery'in**

**PERPUSTAKAAN UITM SARAWAK**  
**PROJEK PELAJAR**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI  
PENTADBIRAN DAN UNDANG –UNDANG, UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA KAMPUS SAMARAHAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA  
PENTADBIRAN AWAM**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG –UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS SAMARAHAN**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan UPK dalam membantu kontraktor Bumiputra. Kajian ini dipilih kerana hendak melihat dari sudut manakah UPK ini memainkan peranannya dan juga apakah kontraktor Bumiputra berjaya dalam perniagaannya. Pensampelan bagi kajian ini juga adalah terdiri daripada 100 responden dikalangan mereka yang terlibat dalam bidang ini dan juga orang ramai.

Melalui analisa yang dibuat dapatlah dinyatakan bahawa peranan UPK amat penting dalam membantu kontraktor terutamanya kontraktor Bumiputra. Ini adalah kerana banyak galakan dan keistimewaan yang diberikan kepada kontraktor Bumiputra bagi memastikan kontraktor Bumiputra merebut peluang yang ada dan seterusnya menjayakan perniagaan mereka. Namun dengan adanya bantuan dari UPK ini tidak banyak juga kontraktor Bumiputra yang berjaya. Ini adalah disebabkan sikap kontraktor Bumiputra itu sendiri yang tidak mahu berusaha sendiri seperti masalah "ali baba".

Akhir sekali apa yang dibuat dalam kajian ini diharap dapat membantu mereka yang memerlukan kajian keatas tajuk ini. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkenaan.

# KANDUNGAN

## MUKASURAT

ABSTRAK	i
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI CARTA <i>senarai lampiran</i>	viii
GLOSARI	ix
BAB 1 : PENGENALAN	
1.0 Pengenalan Kajian	1
1.1 Penyata Masalah	2
1.2 Objektif Kajian	2
1.3 Skop Kajian	3
1.4 Hipotesis	4
1.5 Tinjauan Literiture	4
1.6 Batasan kajian	5
1.7 Rangka Bab	7
BAB 2 : SEJARAH DAN PERANAN UPK	
2.0 Pengenalan	9
2.1 Struktur Organisasi UPK	10
2.2 Proses-Proses Pendaftaran	11

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.0 Pengenalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan UPK dalam membantu kontraktor Bumiputra yang mana kajian ini akan lebih menumpukan kepada kontraktor Bumiputra Sarawak khususnya. Kajian ini juga melihat bagaimana UPK memainkan peranannya. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat tahap kemajuan yang dicapai setakat ini oleh kontraktor Bumiputra di Sarawak pada hari ini.

UPK umumnya memainkan peranan dalam urusan pendaftaran kontraktor. Disini kajian dilihat bagaimana UPK memainkan peranannya dalam menggalak lebih ramai lagi kontraktor Bumiputra di Sarawak untuk berdaftar di UPK. Kajian ini juga melihat sejauhmanakah kemampuan UPK setelah kerajaan Negeri Sarawak menyerahkan urusan pendaftaran kontraktor ini kepada UPK yang mana disini UPK akan bertindak sebagai "*one-stop agency*".

Selain daripada itu juga kajian juga melihat sejauhmanakah tahap pencapaian kontraktor Bumiputra dari tahun tertubuhnya UPK sehingga ke hari ini. Melalui cara inilah gambaran sebenar dapat diketahui mengenai peranan yang dimainkan oleh UPK. Kajian ini juga dapat menjelaskan apakah masalah-masalah yang sering dihadapi oleh kontraktor

## BAB 2

### SEJARAH DAN PERANAN UPK

#### 2.0 Pengenalan

Unit Pendaftaran kontraktor Negeri Sarawak (UPK) telah ditubuhkan pada bulan Jun 1996 di bawah Pejabat setiausaha Kewangan Negeri Sarawak di dalam bahagian perolehan. Hanya terdapat satu sahaja Cawangan UPK di Sarawak dan ianya terletak di tingkat 7, Bangunan Wisma Satok.

UPK secara rasminya telah beroperasi pada 1 Januari 1997, di mana 14 berfungsi atau berperanan sebagai Pusat Pendaftaran Kontraktor untuk Negeri Sarawak dengan mengambil, memusatkan dan mengurus semua urusan pendaftaran kontraktor yang sebelum ini telah dikendalikan secara berasingan oleh beberapa jabatan dan agensi kerajaan antaranya ialah jabatan kerjaraya (JKR), Jabatan Pengaliran dan Saliran, Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan Sosial, Jabatan Perhutanan dan lain-lain lagi<sup>1</sup>.

Sempena dengan penubuhan UPK ini, satu sistem pengurusan pendaftaran berkomputer telah diserapkan bagi melancarkan perjalanan fungsinya. Dengan cara ini ia

---

<sup>1</sup> Surat Pekeliling Rujukan : CTB/8.140, 23/12/1996